



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (TMK) PENGGERAK KESEPADUAN NASIONAL DI MALAYSIA

Penulis:

ABDUL FATTAH BIN HAMDEN

Unit Pengajian Am



Cetakan pertama 2023
Politeknik METrO Betong Sarawak
e ISBN 978-967-2753-10-0

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Politeknik METrO Betong Sarawak terlebih dahulu.

Editor:
Abdul Fattah bin Hamden

Diterbitkan oleh :
Politeknik METrO Betong Sarawak 1-12,
Fasa 2 Bandar Baru Jalan Baru Betong,
95700 Betong,
Sarawak.

 083-472676

 <https://www.pmbbs.edu.my/v3/>



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-967-2753-10-0

PRAKATA

Lafaz syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buku Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) Penggerak Kesepaduan Nasional Di Malaysia ini berjaya diterbitkan. Buku ini merupakan salah satu topik didalam kursus MPU21032 Penghayatan Etika dan Peradaban dan diterbitkan sebagai panduan atau rujukan kepada semua pelajar.

Buku ini mengandungi 4 bab yang membincangkan tentang Evolusi dan pengglobalan teknologi, Konsep hubungan manusia dan teknologi, Etika dan peradaban dalam penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dan Isu semasa Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Secara keseluruhan, buku ini hanya membincangkan secara ringkas sebahagian topik yang banyak dijelaskan melalui grafik bagi kefahaman pelajar. Semoga penerbitan buku ini memberi manfaat kepada pembaca.

Sekian, terima kasih.

PENULIS :

ABDUL FATTAH BIN HAMDEN

ISI KANDUNGAN

1. <i>Prakata</i>	
2. Hasil pembelajaran.....	1
3. Evolusi dan pengglobalan teknologi	2
4. Konsep hubungan manusia dan teknologi	11
5. Etika dan peradaban dalam penggunaan TMK....	18
6. Isu semasa TMK.....	23
7. Cadangan Jawapan.....	35
8. Rujukan.....	40



HASIL PEMBELAJARAN

1. Menghuraikan hubungan manusia dan teknologi.
2. Membincangkan etika dan peradaban dalam penggunaan TMK.
3. Menganalisis isu semasa TMK di Malaysia.





TOPIK 1: EVOLUSI DAN PENGGLOBALAN TEKNOLOGI

PENDAHULUAN

Perkembangan teknologi pada hari ini membolehkan maklumat mudah diperolehi dari pelbagai sumber. Dengan istilah globalisasi telah merujuk kepada dunia tidak lagi mempunyai sempadan. Oleh itu, pengaplikasian nilai etika dan peradaban sewajarnya seiring dengan pembangunan ini.

Dalam masa yang sama, negara kita telah berjaya berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara-negara maju yang lain kerana terdapat banyak teknologi maklumat yang masyarakat di Malaysia boleh memanfaatkan sebaiknya. Contohnya, dengan telefon bimbit pelbagai maklumat boleh diperolehi secara berterusan melalui internet. Maklumat yang hendak dicari semuanya berada di hujung jari sahaja

Kepentingan teknologi kini semakin menjadi rebutan masyarakat kerana mempunyai banyak kelebihan. Jadi teknologi ini seharusnya digunakan dengan sebaik yang mungkin supaya banyak manfaat yang boleh diperolehi.



DEFINISI EVOLUSI, GLOBALISASI DAN TEKNOLOGI

Evolusi - 1. perubahan secara beransur-ansur daripada satu generasi kepada generasi lain; 2. perkembangan secara beransur-ansur, terutamanya pada bentuk yang lebih kompleks: sudah terbukti bahawa sesuatu masyarakat itu menerima perubahan, (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Globalisasi - proses yang menyebarkan atau memperluas sesuatu aktiviti (ekonomi, kebudayaan dsb) ke peringkat global: matlamat seterusnya adalah utk ~ perniagaannya ke tahap antarabangsa; (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Teknologi - Takrifan yang pertama ialah pembangunan dan penggunaan alatan, mesin, bahan dan proses untuk menyelesaikan masalah manusia. Maksud yang kedua digunakan dalam bidang ekonomi, yang mana teknologi dilihat sebagai tahap pengetahuan semasa dalam menggabungkan sumber bagi menghasilkan produk yang dikehendaki. Takrifan teknologi yang diguna pakai di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia ialah aplikasi pengetahuan sains yang boleh memanfaatkan serta menyelesaikan masalah manusia yang dihadapi dalam kehidupan seharian

EVOLUSI DAN PENGLOMBALAN TEKNOLOGI

Rogers (1991) telah mengkategorikan sejarah perkembangan ICT kepada empat era utama iaitu era penulisan, era pencetakan, era telekomunikasi dan era interaktif atau saling bertindak.

Era penulisan:

- Bermula tahun 4000 sebelum Masihi, orang Sumeria menulis pada papan batu
- Buku ditulis
- bahan bacaan berkembang

Era pencetakan:

- 1456 tercipta mesin cetak oleh Gutenberg dari Jerman
- 1041 tercipta kertas dan mesin taip cerai di China.
- Buku banyak dicetak dan diedar
- Media massa pertama iaitu akhbar.


Era Telekomunikasi

- 1844 Morse mencipta telegraf
- teknologi berkomunikasi jarak jauh
- telefon, radio dan tv dicipta

Era Interaktif

- 1946 tercipta komputer

PERKEMBANGAN TMK DI MALAYSIA



EVOLUSI TEKNOLOGI KOMUNIKASI MUDAH ALIH DI MALAYSIA (1G-5G)



1980-an : Permulaan telefon mudah alih (Audio Analog)



1990-an : Permulaan telefon mudah alih (Audio Analog)



2000-an : Permulaan jalur lebar mudah alih (Data mudah alih)



2010-an :
Multimedia
mudah alih
(Pengalaman visual)



2020-an : Keupayaan untuk mengubah bidang dan fungsi teknologi mudah alih

UNDANG-UNDANG SIBER

Malaysia telah meletakkan asas yang kukuh pada pembangunan ICT dengan menyediakan undang-undang. Sebagai permulaan sebanyak lima undang-undang telah digubal dan diluluskan, seperti berikut:

1. **Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.** Dalam akta ini disenaraikan 10 objektif dasar nasional bagi industri komunikasi dan multimedia (Sila rujuk Akta untuk perinciannya, atau buku Mengenali Undang-undang Media dan Siber). Akta ini juga meletakkan janji Kerajaan mengenai tidak ada tapisan dalam internet di bawah Seksyen 3(3). Berikutan dengan kelulusan Akta ini, sebuah kementerian khas diwujudkan yang memasukkan elemen komunikasi dan multimedia di dalamnya. Kementerian ini pada mulanya dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (kini komponen komunikasi dikeluarkan dan digabungkan dengan Kementerian Penerangan, bersama dengan komponen Kebudayaan).

2. **Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998.** Akta ini membolehkan penubuhan sebuah suruhanjaya untuk mengendalikan urusan berkaitan dengan jaringan seperti internet. Ia juga mengambilalih kuasa perlesenan terhadap spektrum penyiaran dan telekomunikasi.

UNDANG-UNDANG SIBER

3. **Akta Tandatangan Digital 1997.** Akta ini digubal untuk membolehkan diterima secara sah segala urusan melalui online termasuk penggunaan tandatangan secara digital. Tujuan utamanya ialah sebagai usaha meningkatkan e-commerce atau e-dagang.

4. **Akta Jenayah Komputer 1997.** Tujuan utama akta ini ialah untuk melengkapkan undang-undang jenayah khususnya berkaitan dengan jenayah yang dilakukan melalui jaringan komputer. Akta ini memperuntukkan jenis-jenis jenayah dan hukumannya.

5. **Akta Teleperubatan 1997.** Akta ini membolehkan para doktor dan pengamal perubatan lain menggunakan jaringan internet untuk menjalankan operasi perubatan dari jarak jauh. Ia memperuntukkan apa yang boleh dan apa yang tidak boleh dilakukan oleh pengamal perubatan.

LATIHAN TOPIK 1

Ms.20

Khamis, 25 Oktober 2018 BH

→ JENAMA

'Pengguna internet perlu ada etika'

➔ Kesedaran pengguna ICT secara berhemah perlu diberi perhatian

Oleh Syalikhah Sazili
cnews@nstp.com.my

► Serdang

Kesedaran terhadap penggunaan teknologi komunikasi maklumat (ICT) secara berhemah perlu diberi perhatian dalam dunia siber yang tiada sempadan.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr M Iqbal Saripan, berkata pengguna internet perlu ada etika supaya tindakan mereka tidak mengundang kesan negatif kepada masyarakat.

Katanya, kesedaran terhadap kepentingan penggunaan ICT perlu disertakan dengan etika kepenggunaan.

"Etika ICT perlu ditekankan. Se-

karang kita lihat penggunaanya cukup berani mengkritik, walhal di luar orangnya tampak sopan.

"Ini memberi konotasi berbeza. Justeru gunakan internet dengan berhemah," katanya ketika berucap pada majlis Pelancaran Kelab Rakan IDEC @Putra Bakti UPM, Jom Gegaria ICT UPM 2018 di sini, semalam.

Jom Gegaria ICT UPM turut men-

dapat kerjasama akhbar Kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd (NSTP).

Yang turut hadir, Pengarang Eksekutif BH, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman serta Pengarah Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC), Prof Madya Dr Fatimah Sidi.

Sementara itu, Ahmad Zaini ber-

seiring dengan peredaran semasa, justeru pengguna perlu bijak meneroka dan mencari maklumat.

Perlu bijak cari maklumat

"Pengguna perlu bijak mencari maklumat menerusi ICT, namun rujukan terhadap media rasmi seperti surat khabar contohnya akhbar kumpulan NSTP masih perlu diutamakan.

"Kita memasuki revolusi 4.0 bagi memenuhi pasaran dan media sedia bekerjasama untuk membantu penyebaran maklumat menerusi pelbagai kaedah," katanya.

Sementara itu, Jom Gegaria ICT yang berlangsung selama tiga hari bermula semalam di UPM turut menempatkan 80 gerai jualan dengan pelbagai aktiviti pengisian ilmu ICT.



Ahmad Zaini (dua dari kanan) bersama Fatimah, M Iqbal (kanan) serta Dekan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat UPM, Prof Dr Abu Bakar Md Sultan (tiga dari kiri) pada majlis Pelancaran Kelab Rakan IDEC @Putra Bakti UPM, Jom Gegaria ICT UPM 2018 di Serdang, semalam.

Berdasarkan keratan akhbar diatas, pada pendapat anda apakah 2 undang-undang siber yang boleh diambil jika tidak beretika menggunakan internet?



TOPIK 2: KONSEP HUBUNGAN MANUSIA DAN TEKNOLOGI

PENDAHULUAN

Saban hari penggunaan teknologi maklumat semakin digemari oleh setiap lapisan masyarakat di negara kita. Penggunaan internet di negara kita ibarat cendawan tumbuh selepas hujan kerana pertambahan penggunaannya amat ketara sama ada di kawasan bandar mahu pun di kawasan luar bandar. Penggunaan internet juga bertambah dalam kalangan rakyat di negara kita disebabkan wujudnya rangkaian jaringan sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan *Tiktok* dalam internet yang semakin meluas.

Penggunaan internet mendatangkan pelbagai manfaat berguna kepada masyarakat. Oleh itu, masyarakat di negara kita perlu memanfaatkan penggunaan internet kerana melalui penggunaan internet segala maklumat berada di hujung jari anda. Apa yang pasti, internet mampu memberikan seribu satu macam kemudahan kepada pengguna .

Jadi dalam topik 2 ini akan membincangkan kebaikan dan keburukan teknologi maklumat kepada manusia.



HUBUNGAN MANUSIA & TEKNOLOGI



Teknologi Komunikasi & Media

Memudahkan hubungan dalam kehidupan seharian. Contohnya segala maklumat berkaitan perkara-pekerja yang mustahak.

Pertanian & Makanan

Gabungan teknologi untuk mengukur dengan tepat bagi setiap proses pertanian bagi memastikan setiap sumber digunakan dengan optimum. Contohnya, dron digunakan untuk mengambil gambar imej tanaman dan imej ini boleh dianalisis untuk mengesan penyakit pada pokok, kadar klorofil, kadar kelembapan tanah dan kewujudan serangga perosak.




Pembinaan

Teknologi baru sentiasa mengubah fungsi peralatan pembinaan. Sebagai contoh, pengkomputeran komprehensif, percetakan 3D, robot autonomi, dan teknologi hijau semuanya menyediakan fungsi baru untuk peralatan pembinaan.

HUBUNGAN MANUSIA & TEKNOLOGI

Teknologi Maklumat

Dapat memudahkan komunikasi sesama manusia tanpa batasan waktu dan tempat bagi mendapatkan isu-isu semasa atau maklumat terkini.



Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) mampu melakukan tugas dan fungsi mirip yang dijana pemikiran manusia.

Pengangkutan

Teknologi mengesan kenderaan masa sebenar yang boleh akan kenderaan memaklumkan pemberitahuan sekiranya berlaku peristiwa yang tidak dijangka dan berita perjalanan kepada penumpang secara lebih peribadi.




KEBURUKAN TMK

- **Maklumat tidak tepat:** Terdapat pengguna internet menyebarkan fitnah dan maklumat tidak tepat kepada pengguna lain melalui laman sosial/peribadi.
- **Hidup baharu:** buli siber, *hate speech*, mangsa scam.
- **Kerja** kepada orang yang tidak menguasai teknologi baharu.
- **Seharian kerana dikejar pemiutang:** minta bayar hutang – bil-bil, kad kredit, kereta, rumah dll)
- **Keselamatan:** data/maklumat pengguna boleh dimanipulasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.
- **Terdedah dengan budaya negatif:** pengaruh budaya luar merosakan minda masyarakat.
- **Hidup kerana tuntutan kerja** 24 jam, 7 hariseminggu.
- **Melalaikan:** penggunaan laman sosial yang berlebihan tanpa kawalan memberikan kesan yang buruk.



KEBAIKAN TMK

- **Maklumat mudah diperolehi:** mempercepatkan banyak urusan manusia.
- **Mudah:** yang memudahkan dan meringankan beban kerja
- **Menghubungkan sesiapa sahaja,** walau di mana sahaja, pada setiap masa.
- **Komunikasi:** dapat menghubungkan dengan sesiapa dengan lebih efisien serta dapat memudahkan kita berkomunikasi di antara jarak jauh dan dekat malah merentasi lautan seantero dunia
- **Promosi:** membantu organisasi atau individu mempromosikan produk dan perkhidmatan
- **Pendidikan atas talian:** interaktif dan menyeronokan.
- **Menjimatkan masa:** urusan semakin mudah seperti e-banking.
- **Menyelesaikan pelbagai urusan:** seperti membayar bil dan urusan perbankan



LATIHAN TOPIK 2

1. Huraikan 2 bidang yang memerlukan internet.

2. Jelaskan 3 kepentingan TMK.

3. Penggunaan internet kini sudah menjadi satu perkara biasa di Malaysia dan dunia amnya. Kepentingan internet dalam kehidupan manusia sudah tidak boleh disangkal lagi oleh mana-mana pihak pun. Kita boleh melihat remaja, orang tua dan kanak-kanak serta ahli perniagaan melayari internet pada setiap masa dan tempat dengan begitu mudah. Namun, dalam keghairahan kita menerima teknologi ini, pelbagai impak negatif telah melanda negara dan masyarakat tanpa disedari. Jelaskan 3 keburukan internet.



TOPIK 3: ETIKA DAN PERADABAN DALAM PENGUNAAN TMK

PENDAHULUAN

Penggunaan media sosial baharu pada masa kini adalah seiring dengan era kemodenan yang berlaku. Pada asasnya penggunaan media sosial baharu ini adalah bertujuan untuk ke arah kebaikan bersama, yang mana ianya digunakan untuk menghubungkan manusia di seluruh dunia dengan lebih cepat dan pantas. Akan tetapi, penggunaan yang tidak dikawal dan tidak dimanfaatkan dengan panduan yang betul telah menimbulkan banyak permasalahan di laman sosial ini.

Internet World Stats (2021) melaporkan bahawa daripada 32,776,194 orang penduduk Malaysia, seramai 29,161,765 adalah pengguna internet telah dicatatkan pada Jun 2021. Hampir keseluruhan daripada pengguna ini melayari internet untuk melakukan interaksi dan hubungan secara atas talian. Oleh itu, etika yang betul haruslah diamalkan dalam kehidupan.



ETIKA MENGGUNAKAN INTERNET

Kini Pelbagai Etika dan Peradaban ICT boleh kita temui dalam Internet. Namun apa yang penting ialah bagaimana kita menterjemah ICT sebagai penghayatan dalam kehidupan seharian.

- 

01**Peraturan**
Ingat komunikasi sesama manusia 
- 02****Peraturan**
Ikuti piawai kelakuan online seperti yang anda ikuti dalam kehidupan sebenar. 
- 03****Peraturan**
Ketahui di mana anda berada di dunia siber 
- 04****Peraturan**
Hormati masa orang lain 

PANDUAN PENGUNAAN MEDIA SOSIAL MENURUT ISLAM

1. Mengelakkan perbuatan mengadu domba, ghibah dan fitnah semasa menggunakan media sosial baharu. Perbuatan ini boleh menimbulkan permusuhan sesama pengguna.
2. Menggunakan secara berhemah dengan tidak melakukan cubaan untuk melakukan pembulian siber, dan tidak mencetuskan kebencian antara agama, jantina, kepercayaan politik dan kaum.
3. Tidak menyebarkan maklumat palsu walaupun dengan tujuan yang baik. Pengguna seharusnya meneliti sebarang maklumat yang diterima dan dibaca dengan teliti kerana penyebaran tersebut akan membawa kesan yang mudarat kepada pelbagai pihak.
4. Menjaga akhlak dan adab ketika menggunakan media sosial bagi menjaga keharmonian beragama, perkauman dan perkara sensitif yang boleh mencetuskan pergaduhan dan konflik antara pihak-pihak.
5. Memilih rangkaian lingkungan sahabat yang baik kerana jika dikelilingi sahabat yang baik dapat mengurangkan berlaku kemungkaran serta mengelak sahabat yang boleh mendorong pengguna.



LATIHAN TOPIK 3

Bolehkah anda mencari perkataan yang tersembunyi ?

V	O	B	A	C	K	P	A	C	K	L	G
G	X	L	P	B	E	R	I	T	A	N	L
S	H	E	M	E	S	I	E	B	C	S	O
H	A	T	E	K	N	O	L	O	G	I	B
A	M	E	D	G	F	C	A	R	S	T	A
R	S	A	C	L	A	I	I	L	S	M	L
P	T	C	G	U	G	P	I	L	O	E	I
E	E	H	T	E	R	A	S	E	R	D	S
N	K	O	M	U	N	I	K	A	S	I	A
E	A	R	U	L	E	R	O	T	O	A	S
R	F	D	C	U	N	R	D	F	P	E	I
D	I	G	I	T	A	L	O	O	K	E	T

- KOMUNIKASI
- GLOBALISASI
- TENOLOGI
- MEDIA
- BERITA
- DIGITAL



TOPIK 4: ISU SEMASA TMK

PENDAHULUAN

Kewujudan aplikasi media sosial mendorong ke arah penggunaan internet di Malaysia menggunakannya untuk bersosial. Umpamanya, sebagai medium penyambung silaturahim, penyebaran ilmu dan dakwah. Di samping itu, ia juga boleh membuka ruang kepada penggunaan secara negatif seperti pembulian siber, pengantunan siber, penyebaran maklumat palsu dan sebagainya. Dalam melihat gejala ini, ilmu akhlak berperanan penting dalam mengatur dimensi kehidupan seharian manusia. Ia perlu diterapkan kepada pengguna media sosial baharu agar proses interaksi dan komunikasi yang berlangsung dalam dunia digital dapat membentuk kesolehan digital.

Oleh sebab yang demikian, topik ini akan membincangkan isu-isu semasa yang berkaitan dengan Teknologi Maklumat Komunikasi (TMK).



BULI SIBER

Kepesatan perkembangan teknologi membolehkan seseorang individu dibuli atau membuli dalam talian (*cyberbullying*). Buli siber adalah gangguan yang melibatkan teks, imej atau video bertujuan mengganggu, mengecam, memalukan atau mengugut mangsa. Buli siber akan memberi kesan emosi, fizikal dan mental kepada mangsa.

Buli siber dalam kalangan belia makin serius

Sinar Harian 15 Januari 2022

UNICEF melaporkan Malaysia negara kedua di Asia bagi kes berkenaan

KUALA LUMPUR

Malaysia berada di kedudukan kedua di Asia pada 2020 untuk kejadian kes buli siber dalam kalangan belia, menurut laporan Tabung Kaub-Kanak Perubatan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF).

Seorang penyelidik membenarkan indikasi bahawa buli siber telah menjadi masalah yang semakin serius di dalam negara. Penggunaan media sosial popular telah menjadikan platform tersebut sebagai tempat yang menyebarkan perbuatan buli.



Penggunaan media sosial popular telah menjadikan platform tersebut sebagai tempat yang menyebarkan perbuatan buli siber dan tiadalah laku tiada secara meluas.

keperluan asas mereka tidak dipenuhi, mereka berkemungkinan menggunakan buli siber sebagai alat untuk memenuhi keperluan mereka.

Sehubungan itu, Yang yang juga pensyarah sains di Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (TAR UC) berkata, kes buli siber bukan sahaja dilakukan oleh

cecair dari segi sosial. Seorang lagi panel pada webinar itu yang juga Pengasas Projek #Cybercancelled, Narvini Jayakumar turut berkecuali pengalamannya mengahungi pelbagai bentuk buli siber sejak umur 16 tahun. Narvini yang kini aktif membantu

MANGSA BULI SIBER

Orbit Nusantara Asia Mohd Adnan

malaysia@berita-harian.com.my

Dalam dunia maya, buli siber semakin meningkat. Buli siber adalah perbuatan mengganggu, mengecam, memalukan atau mengugut mangsa melalui platform digital. Buli siber boleh berlaku melalui teks, imej atau video.

Buli siber boleh berlaku melalui platform digital. Buli siber boleh berlaku melalui teks, imej atau video. Buli siber boleh berlaku melalui platform digital.

Buli siber boleh berlaku melalui platform digital. Buli siber boleh berlaku melalui teks, imej atau video. Buli siber boleh berlaku melalui platform digital.

Orbit Nusantara Asia Mohd Adnan

malaysia@berita-harian.com.my

Buli siber boleh berlaku melalui platform digital. Buli siber boleh berlaku melalui teks, imej atau video. Buli siber boleh berlaku melalui platform digital.

Buli siber boleh berlaku melalui platform digital. Buli siber boleh berlaku melalui teks, imej atau video. Buli siber boleh berlaku melalui platform digital.

Buli siber boleh berlaku melalui platform digital. Buli siber boleh berlaku melalui teks, imej atau video. Buli siber boleh berlaku melalui platform digital.

Bunuh diri angkara buli siber



Kes membabitkan buli siber juga akan sentiasa berlanjutan

Anwarul Huda, Editor Berita Harian

Ancaman buli siber serius

Mengikut CyberSecurity Malaysia (CSM), buli siber lebih bahaya berbanding cara fizikal, boleh menyebabkan mangsa mengalami trauma.

Kaji selidik DiGi CyberSAFE, 65 peratus pengguna internet akui terima mesej lucah atau makian, 25 peratus jadi mangsa gangguan seksual.

Bendung segera jenayah ancam individu, masyarakat

Kes buli siber semakin meningkat. Buli siber adalah perbuatan mengganggu, mengecam, memalukan atau mengugut mangsa melalui platform digital. Buli siber boleh berlaku melalui teks, imej atau video.

Kes buli siber semakin meningkat

Platform	Kes
Facebook	10
Instagram	8
WhatsApp	5
Twitter	3
YouTube	2
LinkedIn	1
Slack	1
Zoom	1
Skype	1
Telegram	1
Signal	1
Other	1

Malaysia bukanlah mengamalkan sistem autoritarianisme, totalitarianisme ataupun diktatorisme yang menafikan hak bersuara dan mengeluarkan pandangan. Setiap warganegara Malaysia diberi kebebasan bercakap dan bersuara bahkan telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 10(1)(a). Setiap warganegara Malaysia bebas mengemukakan pandangan dan idea selagi tidak menyentuh isu-isu sensitif yang telah dinyatakan oleh Parlimen dalam perkara 10(4). Akan tetapi hak kebebasan yang bersyarat ini diabaikan sebahagian orang sehingga terbabas melanggar sempadan atau batasan agama, institusi beraja, perlembagaan negara serta sentimen masyarakat.

26

PENGANTUNAN SIBER

Terdapat juga isu berkaitan rayuan atau pujukan siber yang dipanggil *cybergrooming* atau pengantunan siber. ini mempunyai pelbagai motif, antaranya adalah bagi tujuan seksual, ugutan, malah terdapat juga mangsa dipujuk bagi melakukan jenayah, umpama keldai dadah. Misalnya kes Kathryn 12 tahun dan kakaknya Abigail 17 tahun. Mangsa telah dipujuk oleh seorang lelaki tua yang berusia 42 tahun dikenali sebagai Pete berkenalan melalui facebook. Pete telah menyamar menjadi lelaki lain yang mana bernama Marcus yang berumur 17 tahun, kemudian topik perbualan mereka bertukar ke arah seksual dan merancang untuk bertemu bagi melakukan hubungan seks. Namun rancangan itu telah digagalkan dan diselamatkan oleh ibunya apabila ibunya telah menemui mesej perbualan mereka. Kes-kes seperti ini meningkatkan lagi jenayah siber dan kerugian pada mangsa.

Suspek puji mangsa, minta gambar sebelum ugut lakukan aktiviti seksual

Awas penggoda seks cari remaja di WeChat

Oleh MASZUREEN HADZMAN

maszureen.hadzman@edutrade.com.my

KUALA LUMPUR: Anak remaja,

anda mungkin senarai

dijerat siber. Seks

siber.

Mod

ini m

gan

ti



IBU bapa perlu awasi anak-anak remaja yang gemar layari laman sosial.

Melalui penggunaan media sosial juga, penyebaran maklumat tanpa batasan memberi satu identiti yang baru kepada internet iaitu sebagai penyebaran maklumat palsu. Kemunculan pelbagai media sosial dan aplikasi membolehkan pengguna menghantar mesej secara percuma dan pantas. Ia juga turut memberi perubahan kaedah penerima dan penyebaran maklumat. Bagaimanapun fungsi kemudahan dan kelebihan yang disediakan ini, kerap kali disalah guna melalui penyebaran maklumat yang tidak sah dan tidak berfaedah termasuklah isu MH370, MH17, banjir di pantai timur dan kini isu pandemik COVID-19.

28

PERKONGSIAN BERLEBIHAN

Selari dengan itu juga, media sosial turut menjadi tempat perkongsian secara berlebihan (*oversharing*). Ini termasuklah perkongsian tentang kisah peribadi, masalah rumahtangga, jumlah kekayaan yang dimiliki, mempamerkan kecantikan dan keelokan paras wajah dan tubuh badan dan seumpamanya. Tindakan ini boleh mengundang gangguan mental yang dinamakan sebagai narcisisme. Masalah perkongsian berlebihan ini sering berlaku dalam kalangan remaja. Para remaja cukup terbuka mempamerkan identiti mereka di media sosial. Hal ini dapat dilihat melalui keterbukaan diri mereka memuat naik kegiatan yang sedang mereka lakukan sama ada melalui gambar atau tulisan status dan pernyataan masalah peribadi di ruangan media sosial. Perkongsian berlebihan juga membuka ruang kepada berlakunya masalah buli siber di samping menimbulkan ketagihan. Ia membuka ruang kepada penjenayah untuk bertindak dengan lebih mudah berdasarkan maklumat yang dikongsi selain pencurian maklumat peribadi secara langsung. Dari aspek psikologinya, ia memberi kesan penurunan harga diri berpunca daripada perbandingan diri dengan orang lain

KETAGIHAN GAJET

Mengetahui cara teknologi memberi kesan kepada paten keibubapaan adalah sangat penting. Banyak kajian telah menunjukkan kesan negatif teknologi digital kepada kanak-kanak. Penggunaan gajet secara berlebihan sejak kecil boleh menjejaskan banyak bidang kehidupan kanak-kanak. Contohnya, kanak-kanak yang sibuk menggunakan gajet sebagai ganti alat permainan akan hilang fokus, kurang kemahiran komunikasi, lemah kemahiran berbahasa dan berkemungkinan menjejaskan penguasaan akademik. Kanak-kanak juga mungkin tidak mempunyai kreativiti kerana penumpuan lebih diberikan kepada skrin. Justeru, tidak hairan apabila ketagihan dan kerbergantungan kepada gajet dalam kalangan kanak-kanak yang sedang membesar menjadikan keibubapaan dalam era teknologi digital menjadi semakin sukar dan mencabar.

Gajet tanpa kawalan hanya bawa kemudaratatan



PENGUNAAN gajet yang tidak terkawal oleh

KUALA LUMPUR - Penggunaan gajet oleh kanak-kanak seawal usia satu tahun tanpa kawalan oleh ibu bapa hanya akan menyebabkan mereka menjadi golongan anti sosial. Pengetua Pusat Kaunseling Universiti Pendidikan Sultan Idris, Dr. Farid Mohd. Saad, berkata. Menurut bapa perlu peranan yang lebih bersikap ranya anak-anak bermain dengan

kan masa. Jangan sampai anak-anak ketagih sehingga melupakan orang sekeliling.



"Antara gejala ketagih gajet ialah kemahiran sosial akan

Malaysia, Siti Fatimah Abdul Ghani menjelaskan, ketagihan pornografi akan menyebabkan gangguan sistem saraf otak dan mampu menjejaskan ingatan seseorang. "Ketagihan itu meng-

Ketagihan gajet punca remaja hilang keyakinan diri



[FOTO HIASAN]

Artikel ini bertujuan mengemukakan rumusan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Jasmani, Universiti Putra Malaysia (UPM) ke atas hasil penyelidikan ahli akademik dalam dan luar negara mengenai kaitan gajet dan kesannya kepada pelajar. Kajian dilakukan Kathelyne Munai Babai, Nur Syuhadah Mohd Yassin, Muhammad Ammar Zahari, Muhammad Aiman Mai-zu, Kelly Shu Tuang Hong, Muhammad Hafizi Md Lasim, Muhammad Syahmi Mohd Sukor, Nur Alia Mahamad Norizan dan Muhamad Saiful Azri Shahnon dengan bimbingan Prof Madya Soh Kim Geok. Antara subjek rumusan kami hasil penyelidikan Sheereen N Zulkefry dan Rozumah Baharu-

Dalam polemik turut dikaitkan salah satu akhlak menghancurkan n hibur dan kurang kerja berfaedah. Penyelidik dari nologi Malaysia (Sulung, mendap pelajar gemar n ngan realiti hibu mencungkil baka

Abai pelajaran. Kajian itu juga peratus pelajar nonton rancangan dan melayari inte sembang bagi m kakan yang mere gus menyebabka tin harian dan

PENIPUAN ATAS TALIAN

Realitinya, senarai kes penipuan sebegini berterusan ketika COVID-19. Dengan ekonomi dalam keadaan VUCA iaitu volatility (kemeruapan), uncertainty (ketidakpastian), complexity (kerumitan) dan ambiguity (kekaburan), amat mudah untuk seseorang terjebak dalam perangkap panik ekonomi. Bagi tempoh antara tahun 2020 sehingga Mei 2022, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah menerima sejumlah 5,513 aduan berunsur penipuan. Aduan-aduan yang diterima seterusnya dirujuk kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan untuk perhatian dan tindakan lanjut di bawah bidang kuasa mereka.

Sebanyak 3,108 kes dengan kerugian RM12.2 juta dicatatkan sepanjang lima bulan tahun ini

Kes tipu internet meningkat

Ghah NOOR SYAHIDATOL AGMA
MOHD. NOOR

KUALA LUMPUR - Kes penipuan melalui internet mencatatkan peningkatan ini 3,108 kes bagi tempoh Januari hingga Mei tahun ini membolehkan kerugian keseluruhan berjumlah RM12.2 juta.

Tindakan Pengarah Sisatan Jenayah Siber dan Multimedia Jabatan Sisatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman,

Datuk Mohd. Kamarudin Md. Din berkata, jumlah itu menunjukkan peningkatan sebanyak 676 kes berbanding 2,432 kes dengan kerugian RM8.7 juta sepanjang tempoh sama tahun lalu.

"Kes yang biasa dilaporkan adalah berkaitan pembelian barangan secara online. Daripada 3,108 kes, kita berjaya menahan seramai 392 suspek pada tahun ini berbanding 218 suspek pada tahun lalu.

"Kuala Lumpur mencatatkan kerugian terbesar iaitu RM2.37 juta membabitkan kes di-

kuti Selangor dengan kerugian berjumlah RM2.17 juta (667 kes)," katanya ketika ditemui di Ibu Pejabat JSJK di sini baru-baru ini.

Mohd. Kamarudin berkata, Perak mencatatkan kerugian berjumlah RM1.34 juta dengan 271 kes manakala Johor pula mencatatkan 359 kes dengan kerugian RM1.22 juta.

"Kaedah penipuan melalui internet semakin popular kerana ia sangat mudah, murah dan pantas tanpa perlu bersua muka dengan mangsa tetapi sebaliknya hanya menggunakan komputer.

"Modus operandi suspek ialah berpura-pura mengiklankan barangan yang ingin dijual di laman web seperti eBay.com, Lazada.my dan melalui terasak laman sosial Facebook dan Instagram," katanya.

Beliau berkata, mangsa akan menghubungi suspek untuk membuat pesanan selepas tertarik dengan barangan yang dijual sebelum membuat pembayaran terlebih dahulu termasuk kes perkhantaran.



MOHD. KAMARUDIN



KES penipuan melalui internet dalam tempoh lima bulan tahun ini mengakibatkan kerugian berjumlah RM12.2 juta. - Gambar hiasan

INFO kes penipuan online

8 Mei 2017 - Polis memberkas seorang lelaki yang aktif melakukan penipuan mengikut telefon bimbit iPhone 6 secara online membabitkan jumlah kerugian bernilai RM140,285 di Kulim, Kedah.

3 Mei 2016 - Empat sindiket penipuan pembelian barang dalam talian membabitkan kerugian hampir RM1 juta hampas dengan penahanan 11 individu di Pahang, Kelantan dan sekitar Lembah Klang, 25 April lalu.

12 Jun 2013 - Seorang pegawai penguat kuasa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengalami kerugian RM26,000 selepas ditipu seorang lelaki yang membeli kereta Perodua Myvi miliknya dengan harga hanya RM26.

12 Mac 2013 - Gara-gara mahu membeli telefon bimbit pirat iPhone 5 dengan harga yang murah, seorang peruntuk institusi pengajian tinggi swasta mengalami kerugian RM17,100 selepas dipercayai individu yang menjual peralatan tersebut menerusi internet di Kuala Lumpur.

10 Januari 2012 - Seorang pekerja swasta ditipu apabila menerima lesung batu selepas membuat pembayaran sebanyak RM3,250 bagi tiga unit telefon bimbit yang dibelinya menerusi sebuah laman web.

"Kaedah bayaran biasanya dibuat melalui deposit tunai, pemindahan akaun dan perbankan internet malah terdapat juga suspek yang menggunakan akaun bank milik orang lain untuk tujuan tersebut.

"Setelah bayaran dibuat, barangan yang dijanjikan tidak diterima mengikut tempoh yang dijanjikan selain suspek juga gagal dihubungi," katanya.

Jelasnya, suspek juga dikenali sering menggunakan maklumat

peribadi palsu.

"Orang ramai dinasihatkan agar berhati-hati dan berwaspada dengan sebarang transaksi pembelian online yang ingin dibuat.

"Mereka juga perlu sentiasa membuat semakan bagi mendapatkan pengesahan kebenaran kewujudan penjual, pembeli, barangan dan transaksi kewangan yang dibuat bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan," katanya.

TULAR / VIRAL

Sudah menjadi kebiasaan apabila sesuatu isu yang mencuri perhatian netizen mampu menjadi tular di media sosial dalam sekelip mata. Boleh dikatakan hampir setiap hari, ada sahaja kes atau isu tular melibatkan selebriti, ahli politik, pemimpin atau mahupun orang biasa yang mana perkara itu mampu membawa kesan buruk jika dibiarkan berlarutan. Isu tular mempunyai kebaikan dan keburukan yang tersendiri bergantung kepada isu dan berita yang disebarkan di media sosial kepada seseorang dan masyarakat di Negara kita. Sekiranya perkara ini dipandang remeh oleh masyarakat maka tidak mustahil akan jadinya penyakit budaya viral dan sebagainya sehingga boleh menimbulkan huru-hara di Negara ini.



Henti tular berita, gambar bunuh diri

Utusan Malaysia 16 Julai 2021

Oleh AMREE AHMAD
utusannews@medianulla.com.my

PUTRAJAYA: Pengguna media sosial tempatan diminta tidak mensensasikan sebarang berita atau gambar insiden bunuh diri sama ada yang berlaku di negara ini atau luar negara.

Nasihat itu disuarakan pakar psikologi, Prof. Dr. Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip yang mendapati masih ada warganet tergamak menyebarkan kes tersebut demi mengejar populariti.

"Apabila ramai netizen menuai berita dan gambar kes itu, ia yang sudah ada gejala akan dapat idea bahawa cuba bunuh diri ketika dihubungi media, semalam."

Seorang Pakar Psikologi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) itu



MOHAMMAD AZIZ SHAH MOHAMED ARIIP

mengulas hantaran Kementerian Kesihatan semalam berhubung penyebaran isu bunuh diri.

Ia juga meminta masyarakat supaya menghentikan penularan rakaman video atau foto kes itu kerana dibimbangi wujud gejala

penipuan selain mencetuskan ketakutan kepada pembaca.

Kementerian itu malah mengesahkan pengguna laman maya agar prihatin dengan tidak merakam atau berkongsi visual ngeri tersebut di samping menghormati perasaan keluarga si mangsa.

Mengulas lanjut, Mohammad Aziz Shah, 48, yang juga kaunselor dan berpengalaman luas 20 tahun dalam bidang berkaitan berkata, jika trend itu tidak dibendung, kejadian bunuh diri akan jadi fenomena biasa.

"Amalan ini akan merebak cepat dalam masyarakat dan memberi trauma kedua kepada waris mangsa yang kesan emosi jauh lebih teruk ekoran kehilangan tragik ahli keluarga," jelasnya.

Justeru, beliau menyarankan warganet lebih bertanggung-

jawab dengan padam atau henti sebar berita, gambar atau video kes bunuh diri selain fokus kepada hantaran yang bernada positif.

Usaha itu ujarnya, termasuk berkongsi poster motivasi seperti ayat sayangi diri sendiri, hargai kehidupan, tuhan masih mengasihani kita, anda tidak keseronangan dan yang seumpamanya.

Penyebaran maklumat sedemikian boleh menghentikan tumpuan pemikiran berbau negatif serta bertindak menjadi terapi sosial untuk masyarakat mula sedar, tabah dan hargai kehidupan.

Mereka yang ada masalah dalam diminta tidak malu meluahkan kepada talian sokongan psikososial diuruskan oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Mercy Malaysia.

"Usah pendam begitu sahaja

atau simpan terperap dalam hati, tetapi berkongsi dengan pegawai psikologi bertauliah yang ada ditempatkan seluruh negara," kata Mohammad Aziz Shah.

Individu terbahit juga boleh meminta nasihat kaunselor secara percuma di 62 buah hospital Kementerian Kesihatan selain 1,161 premis klinik awam dan 28 pusat komuniti kesihatan mental.

Awal bulan ini, ibu pejabat polis Bukit Aman mendedahkan 498 kes bunuh diri telah dicatatkan dari Januari sehingga Mei lalu dengan Selangor merekodkan jumlah paling tinggi iaitu 117 kes.

Siasatan lanjut mendapati, terdapat tiga punca utama yang menyebabkan kejadian tersebut iaitu masalah keluarga, isu kewangan dan tekanan perasaan sehingga berlaku kemurungan.


MATA WANG DIGITAL DAN E-DOMPET



Penggunaan e-tunai dalam transaksi harian akan meningkatkan kecekapan dan transparensi dalam usaha pendigitalan ekonomi yang lebih meluas. Namun timbul persoalan adakah pengguna memahami implikasi daripada perkongsian data peribadi ini, dan apakah jaminan tidak berlaku penyelewengan terhadap penyimpanan dan pemprosesan data (termasuk prinsip keselamatan), sebagaimana yang terkandung dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

LATIHAN TOPIK 4

Lukiskan garisan dan bantu pelajar itu sampai ke kejayaan.





CADANGAN JAWAPAN

LATIHAN TOPIK 1

Berdasarkan keratan akhbar, pada pendapat anda apakah 2 undang-undang siber yang boleh diambil jika tidak beretika menggunakan internet?

1. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Dalam akta ini disenaraikan 10 objektif dasar nasional bagi industri komunikasi dan multimedia (Sila rujuk Akta untuk perinciannya, atau buku Mengenali Undang-undang Media dan Siber). Akta ini juga meletakkan janji Kerajaan mengenai tidak ada tapisan dalam internet di bawah Seksyen 3(3). Berikutan dengan kelulusan Akta ini, sebuah kementerian khas diwujudkan yang memasukkan elemen komunikasi dan multimedia di dalamnya. Kementerian ini pada mulanya dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (kini komponen komunikasi dikeluarkan dan digabungkan dengan Kementerian Penerangan, bersama dengan komponen Kebudayaan).

2. Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998. Akta ini membolehkan penubuhan sebuah suruhanjaya untuk mengendalikan urusan berkaitan dengan jaringan seperti internet. Ia juga mengambilalih kuasa perlesenan terhadap spektrum penyiaran dan telekomunikasi.

LATIHAN TOPIK 2

1. Huraikan 2 bidang yang memerlukan ICT.

- Pendidikan
- Komunikasi

2. Jelaskan 3 kepentingan ICT.

- Promosi
- Maklumat
- Menjimatkan masa

3. Penggunaan internet kini sudah menjadi satu perkara biasa di Malaysia dan dunia amnya. Kepentingan internet dalam kehidupan manusia sudah tidak boleh disangkal lagi oleh mana-mana pihak pun. Kita boleh melihat remaja, orang tua dan kanak-kanak serta ahli perniagaan melayari internet pada setiap masa dan tempat dengan begitu mudah. Namun, ada keghairahan kita menerima teknologi ini, pelbagai impak negatif telah melanda negara dan masyarakat tanpa disedari. Jelaskan 3 keburukan internet.

- Kes Penipuan
- Penyebaran Fitnah
- Pembaziran masa


JAWAPAN TOPIK 3



- KOMUNIKASI
- GLOBALISASI
- TENOLOGI
- MEDIA
- BERITA
- DIGITAL

LATIHAN TOPIK 4

Lukiskan garisan dan bantu pelajar itu sampai ke kejayaan.





RUJUKAN

RUJUKAN

Azianura H. S., & Mohammad R. K. (2019). Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa dan Etika Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities* 16, no.6 (2019), 2.

Mohd A. R., Mohammad A. J., Abdul Q. A., & Mohammad N. H. (2015). Penyebaran Maklumat Palsu Berkaitan Produk Halal dan Implikasinya Terhadap Industri Halal. *Konferensi Antarabangsa Islam Borneo VIII (KAIB VIII)*. Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam, 4-5

Romlah R. (2016). Sejauhmana Kebebasan Dalam Media Sosial: Peradaban Sosial dan Privasi Dalam Sempadan Keagamaan. *Journal of Techno - Social* 8, no. 1 (2016): 102- 111

<https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1878066>

<http://my.litengma.com/info/the-latest-technology-of-construction-equipmen-56508366.html>



e ISBN 978-967-2753-10-0



POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK
(online)

2023